

07/09/1998

Rakyat diminta usah lupa jasa pemimpin

PUCHONG, Ahad - Rakyat diminta tidak melupakan jasa dan bakti kepada pemimpin yang sudah memberi sumbangan besar membangunkan negara antaranya seperti Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak Hussin dan Tun Hussein Onn.

Ahli Dewan Undang Negeri (Adun) Puchong, Datuk Mohammad Satim Diman berkata, semoga orang ramai bersama mendoakan supaya roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah.

Katanya, marilah kita memperkuatkan, dengan satu indentiti fahaman yang cemerlang untuk bersama-sama meneruskan perjuangan kita yang belum selesai.

Beliau menyeru semua orang Melayu bersatu padu, berganding bahu, dengan iltizam taat setia kepada negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kita pertahankan bersama dan memberikan terus kepercayaan serta keyakinan kepada pemimpin negara.

"Untuk meneruskan pengisian kemerdekaan, kita tidak rela dijajah semula, walau dengan cara apa sekalipun," katanya berucap di majlis perayaan Hari Kebangsaan Umno Bahagi Serdang 1998 di Rumah Panjang di sini.

Mohamad Satim menyeru, marilah kita menghadihkan Fatihah kepada semua pejuang Islam yang telah memperjuangkan kemerdekaan, sama ada mereka itu pejuang politik, pemimpin kerajaan, petani, penulis, tentera, Polis dan sebagainya.

Beliau bersama kira-kira 4,000 ahli Umno Bahagian Serdang menyaksikan persembahan pantomin bertajuk Dullah dan arahan Abdul Aziz Singah pada malam itu yang dijayakan oleh Biro Kebudayaan dan Kesenian cawangan bahagian berkenaan.

(END)